



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN PROJEK PERSIMPANGAN BERTINGKAT SUNGAI BUAYA, LEBUHRAYA UTARA SELATAN

SUNGAI BUAYA, SELANGOR – 9 Januari 2014 :- Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia hari ini telah merasmikan Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya ini telah dimulakan pada Jun 2011 dan telah siap dalam tempoh 30 bulan dengan kos pembinaan sebanyak RM87 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak PLUS Berhad.

Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya ini terletak di antara Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung dan Persimpangan Bertingkat Rawang iaitu di KM434.7, Lebuhraya Utara Selatan. Pembinaan persimpangan bertingkat ini adalah cetusan idea oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Kampung Sungai Buaya pada 23 April 2010.

Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya dibina bertujuan sebagai laluan alternatif untuk memudahkan perjalanan penduduk di Bandar Sungai Buaya dan kawasan sekitarnya di daerah Hulu Selangor, untuk ke Utara tanah air dan juga ke Lembah Kelang melalui Lebuhraya Utara Selatan. Sebelum persimpangan ini dibina, penduduk di sekitar Bandar Sungai Buaya dan Sungai

Choh terpaksa menggunakan Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung atau Persimpangan Bertingkat Rawang untuk memasuki Lebuhraya Utara Selatan atau menggunakan Jalan Persekutuan 1 di Bandar Rawang sebagai jalan keluar/masuk.


Di samping itu, pertumbuhan pesat pelbagai perusahaan di kawasan sekitar turut menyumbang kepada kesesakan di kedua-dua persimpangan sedia ada iaitu Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung dan Persimpangan Bertingkat Rawang dan Jalan Persekutuan 1 menjadi sesak terutama ketika waktu puncak. Ini kerana jumlah trafik harian yang dicatatkan di Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung, Lebuhraya Utara – Selatan adalah sebanyak 13,000 kenderaan sehari dan Persimpangan Bertingkat Rawang mencecah 38,000 kenderaan sehari. Berdasarkan kepada angka trafik ini, kementerian berpandangan wujudnya keperluan yang tinggi terhadap Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya.

Oleh yang demikian, dengan wujudnya persimpangan bertingkat ini, ia dijangka dapat memberikan laluan alternatif yang baru untuk mengatasi masalah kesulitan akses untuk keluar dan masuk ke Lebuhraya Utara Selatan dari Bandar Sungai Buaya serta kawasan sekitarnya. Persimpangan bertingkat ini dijangka akan dapat memendekkan tempoh perjalanan antara 40 minit hingga 1 jam dengan jarak perjalanan 24 kilometer dari Bandar Sungai Buaya ke Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung dan 32 kilometer dari Bandar Sungai Buaya ke Persimpangan Bertingkat Rawang.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

9 JANUARI 2013

10.00 PAGI



Rekabentuk Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya (trumpet interchange)